

19 SEP 1997

EKONOMI MALAYSIA TIDAK LEMAH SEMASA DISERANG SPEKULATOR, KATA PM

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Ekonomi Malaysia tidak lemah semasa spekulator "penyangak" menyenrang pasaran tukaran asing dan pasaran saham negara, tegas Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata mereka telah berjaya menolak ke belakang ekonomi negara selama 10 tahun, sambil menambah bahawa pendapatan per kapita dikurangkan daripada AS\$5000 dalam Jun kepada AS\$4,000 dalam masa dua minggu sahaja, yang mengambil masa 10 tahun untuk dicapai.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada mereka," katanya bila ditanya sama ada kedudukan ekonomi negara lemah bila spekulator "penyangak" melakukan serangan mereka, pada satu persidangan berita selepas menyampaikan syarahannya mengenai "Malaysia Dalam Alaf Akan Datang" di Universiti Malaya, di sini.

Dr. Mahathir mengulangi bahawa ekonomi negara tidak lemah melainkan kedudukan defisit akaun semasa...tiada apa-apa yang tidak kena dengan ekonomi kita."

"Mereka hanya mendapat peluang untuk meraih keuntungan," katanya.

Para penganalisis berkata tidak seperti kebanyakan negara lain, defisit akaun semasa Malaysia berlaku semata-mata kerana meningkatnya import barangan modal dan barangan perantara dan alat jentera yang diperlukan oleh sektor pembuatan yang pesat membangun.

Mereka berkata dalam satu tempoh masa depan tertentu, usaha tersebut akan bertukar menjadi eksport yang lebih tinggi barangan siap yang akan dapat menangani masalah defisit, sambil menambah bahawa langkah kerajaan melengahkan projek besar dan mengurangkan import akan terus membantu membetulkan keadaan. -- BERNAMA

DVS SIA